

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[PETALING JAYA]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA]** yang memohon **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam memastikan kegiatan NGO-NGO Malaysia, yang terlibat di dalam misi kebajikan, pembangunan dan bantuan kemanusiaan di negara-negara seperti Cambodia, Palestin, Myanmar, Syria dan kawasan bergolak yang lain, tidak akan menimbulkan permasalahan kepada Malaysia, khususnya di dalam perhubungan antarabangsa dengan negara-negara lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa bersedia untuk membantu Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia, yang terlibat di dalam misi-misi bantuan kemanusiaan di luar negara dengan memberi khidmat nasihat dan bantuan konsular seperti memudahcara kemasukan mereka ke negara terlibat dan juga memantau keselamatan mereka semasa berada di negara berkenaan.

3. Peranan Kementerian Luar Negeri adalah lebih tertumpu kepada penyelarasan dengan Kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara terlibat supaya misi-misi bantuan kemanusiaan mematuhi setiap *Standard Operating Procedure* (SOP), dengan izin, serta peraturan yang ditetapkan negara-negara tuan rumah.

4. Sebagai contoh, bagi NGO yang ingin melaksanakan bantuan kemanusiaan ke Palestin, pihak terbabit boleh menyelaraskan dengan Kedutaan Besar Malaysia, Kaherah, Mesir untuk tujuan ke Gaza manakala untuk ke Tebing Barat, penyelarasan diadakan bersama Kedutaan Besar Malaysia, Amman, Jordan. Bagi Syria pula, NGO-NGO boleh menyelaraskan dengan Kedutaan Besar Malaysia di Ankara, Turki memandangkan pintu masuk semua bantuan kemanusiaan ke Syria adalah terletak di sempadan Syria-Turki iaitu menerusi laluan Bab Al-Hawa di wilayah Idlib, utara barat Syria.

5. Kedutaan-kedutaan Malaysia sering menganjurkan pertemuan-pertemuan dengan NGO-NGO Malaysia dari semasa ke semasa. Ini adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat dan berbincang tentang perancangan dan aktiviti yang ingin dilaksanakan oleh NGO-NGO tersebut. Kedutaan-

kedutaan Malaysia juga berfungsi sebagai perantara mewakili NGO-NGO Malaysia dalam rundingan dengan Kerajaan tempatan yang melibatkan kepentingan negara. Ini adalah bagi memastikan hubungan dan kepentingan Malaysia dengan negara tuan rumah sentiasa terpelihara.

6. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa memelihara hubungan yang baik dengan negara-negara berkenaan melalui Kementerian Luar Negeri masing-masing untuk memudahcara proses misi-misi kemanusiaan yang berkaitan. Kedutaan – Kedutaan Malaysia dan semua agensi-agensi Kerajaan Malaysia sentiasa memantau aktiviti dan program NGO-NGO Malaysia di negara asing, dan mengambil pendekatan mendidik dengan mengingatkan mereka agar sentiasa menjaga nama baik Malaysia dalam menjalankan sebarang aktiviti dan berinteraksi dengan warga tempatan.

7. Bagi misi bantuan kemanusiaan di Myanmar, Kedutaan Besar Malaysia di Yangon, Myanmar telah menjadi pemudahcara dengan mengadakan rundingan dengan Kerajaan tuan rumah. Pada ketika ini, MERCY Malaysia merupakan satu-satunya NGO antarabangsa yang masih mendapat akses sementara bagi operasi di Sittwe, Wilayah Rakhine, Myanmar. Ia juga mempunyai hubungan yang baik dengan pihak berkuasa tempatan dan pemegang taruh di Myanmar yang terlibat secara langsung dengan bantuan kemanusiaan. Kedutaan Besar Malaysia di Yangon dan MERCY Malaysia mempunyai jalinan hubungan kerjasama yang kukuh.

8. Secara umumnya, kebenaran menjalankan misi kemanusiaan di luar negara adalah bergantung kepada situasi keselamatan semasa ditambah dengan situasi pandemik COVID-19 di negara-negara tersebut. Kerajaan sentiasa memberikan nasihat serta memantau perkembangan terkini yang berlaku di negara yang dituju agar NGO-NGO yang berhasrat melaksanakan misi kemanusiaan membuat persediaan yang sewajarnya, termasuk memastikan keselamatan anggota-anggota misi kemanusiaan berkenaan. Dalam masa yang sama, Kementerian Luar Negeri menyeru supaya semua NGO berkaitan dapat menyelaras misi kemanusiaan masing-masing dengan Kementerian Luar Negeri serta Kedutaan-kedutaan berkaitan sebelum melaksanakan misi tersebut. Sekian, terima kasih.